

Dasar langit terbuka keistimewaan baru Labuan

Oleh Hishamuddin Aun dan Lichong Angkui

LABUAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelaksanaan dasar langit terbuka akan membantu industri pelancongan untuk pulau ini selain menjadikannya Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) utama serantau.

Perdana Menteri berkata, langkah itu juga memberi keistimewaan baru kepada Labuan, yang diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1984, disusuli IOFC pada 1990.

Sehubungan itu, beliau meminta Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, untuk mengambil langkah susulan segera, manakala kerajaan akan menyediakan kemudahan asas yang diperlukan.

Berucap pada jamuan tengah hari dan sesi dialog bersama masyarakat perniagaan anjuran Majlis Tindakan Ekonomi, Negara (MTEN) di Ujana Kewangan di sini, beliau berkata, beberapa kemudahan asas di Labuan seperti bekalan elektrik, air, pendidikan dan kesihatan akan dipertingkatkan.

Sambil menegaskan kerajaan Persekutuan tidak pernah mengabaikan Pulau Labuan selama ini, Abdullah yang dalam rangka lawatan sehari ke sini berharap dasar langit terbuka itu dapat membantu pembangunan industri pelancongan, termasuk menarik kalangan warga tua dari Taiwan dan Jepun.

Diminta menghuraikan lebih lanjut pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Labuan pada akhir lawatannya itu, Perdana Menteri berharap pelaksanaan dasar langit terbuka itu dapat dijayakan dalam tempoh terdekat ini.

"Keputusan ini sudah dibincang di peringkat MTEN dan Kabinet, justeru tindakan segera perlu diambil. Kerajaan juga memutuskan supaya landa-



ABDULLAH mempengerusikan Mesyuarat MTEN di Komplek Ujana Kewangan di Wilayah Persekutuan Labuan, semalam. Turut hadir dari kiri, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak dan Pengarah Eksekutif MTEN, Datuk Mustapa Mohamed. - Gambar oleh Datu Ruslan Sulai

san lapangan terbang Labuan dipanjangkan untuk membolehkan pesawat lebih besar mendarat, sekali gus menggalakkan kedatangan pelancong.

"Kemudahan lain yang perlu diperbaiki ialah sistem pengangkutan terutama perkhidmatan feri dari Labuan ke tanah besar Sabah," katanya.

Mengenai cadangan pembinaan jambatan, dari pulau ini ke Menumbok di Sabah, Perdana Menteri mengakui memang ada cadangan mengenainya, tetapi kerajaan belum bercadang melaksanakannya.

"Saya turut mencadangkan supaya diadakan projek pelancongan berdaya maju di Labuan memandangkan kedudukan pulau ini tidak jauh

dari China, Jepun, Korea dan Taiwan.

"Kita tahu bahawa program untuk warga dewasa di Jepun sesuatu yang maju, maka kalau kita ambil kesempatan kemudahan di Labuan, maka mungkin kita dapat menarik kedatangan mereka," katanya sambil menambah, untuk menjayakan semua perancangan itu, kerajaan memerlukan tindakan serta sokongan sektor swasta.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan keputusan kerajaan mengkaji semula Sabah Shipyard Sdn Bhd (Saship) yang kini sudah menghentikan operasinya.

Katanya, kerajaan mempunyai beberapa projek untuk diserahkan kepada

Saship' melaksanakannya dan berharap cadangan mengkaji semula operasi itu dapat dimulakan dalam tempoh kurang dua bulan.

"Kita percaya dalam tempoh terdekat ini, kita, dapat meneruskan semula operasi syarikat perkapalan itu. Bilangan tenaga kerja akan bertambah daripada 150, orang sekarang kepada 3,000 orang katanya.

Pada jamuan tengah hari itu, Abdullah turut menerima memorandum mengenai cadangan membantu memperbaiki ekonomi Labuan yang dikemukakan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Labuan. Dewan Perniagaan Cina Labuan dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Labuan serta Dewan

Perniagaan dan Perindustrian Kadazandusun Labuan.

Abdullah juga meminta semua institusi perbankan mengambil tindakan segera menangani rungutan pelabur yang dikatakan sukar mengurus pinjaman terutama berhubung industri gas dan minyak.

Selepas dialog itu, Perdana Menteri menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat dan penutupan sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat Labuan di Kampung Sungai Labu, kira-kira 10 kilometer dari pusat bandar.

Kira-kira 10,000 orang menghadiri majlis berkenaan yang diserikan dengan pelbagai acara menarik, termasuk persembahan artis tanah air.